

Bakti rai OKU, warga emas

KUALA LUMPUR: Biar pun sambutan Tahun Baru Cina sudah berlalu, kira-kira 500 anak yatim, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) pelbagai kaum tetap diraikan dengan meriah oleh Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri (Bakti) dan YTL Corporation pada majlis Jamuan Tengah Hari 'Vegetarian' di Hotel JW Marriott, semalam.

Seperti tahun sebelumnya, Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor hadir menyampaikan sumbangan berjumlah RM105,000 kepada 18 rumah kebajikan yang masing-masing menerima RM5,000 berserta angpau.

Antara rumah kebajikan terabit ialah Gabungan Persatuan Orang Cacat Malaysia, Asrama Cahaya IJ Convent, Rumah Orang Tua Victory, Rumah Charis, Rumah

Siloam, Rumah Cheshire Selangor, Persatuan Orang Cacat Cina Malaysia, Rumah Orang Tua Ampang, Persatuan Kebajikan Ti-Ratana dan Rumah Orang Tua Sungei Way.

Lebih menarik, badan berkenaan turut menambah kategori penerima sumbangan tahun ini dengan memilih wakil OKU daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Selain kehadiran anggota Bakti, Majlis itu turut diserikan dengan kehadiran isteri mantan Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan Pengarah YTL, Datuk Yeoh Soon Min.

Pelajar autisme UPM, See Dunsheng Bryan, 24, ber-



MESRA...Rosmah bersalaman dengan warga emas di majlis Jamuan Tengah Hari 'Vegetarian' di Hotel JW Marriott, semalam.

kata, dia gembira kerana berpeluang memenuhi jemputan pihak Bakti ke jamuan berkenaan.

"Ini adalah pengalaman pertama menyambut Tahun Baru Cina dalam majlis sebegini dan akan menjadi kenangan paling berharga dalam hidup saya," katanya.

Sementara itu, penghuni Rumah Cheshire Selangor, K Nagamah, 39, berkata, dia

gembira kerana berpeluang memenuhi jemputan Bakti ke majlis berkenaan setiap tahun.

"Memandangkan saya juga berkhidmat sebagai kakitangan sokongan di YTL Corporation, jadi tidak hairanlah kalau saya turut serta hadir memeriahkan majlis ini," katanya.

Rakannya, Hairol Amri Abdullah, pula berpendapat

bahawa majlis anjuran Bakti dan YTL Corporation itu sangat bermakna untuk membina motivasi dalam diri golongan OKU sepertinya.

"Dengan adanya jemputan ke majlis sebegini, kami pasti mendapat peluang untuk berkenalan dengan lebih ramai rakan senasib, sekali gus mengeratkan silaturahim antara kami," katanya.